

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
(LUBOK ANTU)**

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [LUBOK ANTU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah pendatang asing (sama ada tanpa izin, pelarian dan lain-lain) yang berdaftar dan tidak berdaftar di dalam rekod agensi Kerajaan bagi Parlimen Lubok Antu dan langkah yang diambil untuk mengurangkan kebanjiran pendatang asing di kawasan Lubok Antu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pelaksanaan operasi Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) khususnya di JIM Negeri Sarawak dibuat secara konsisten dengan menggunakan pendekatan bersasar (*targeted approach*) sebagai tindakan penguatkuasaan untuk membanteras Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang melakukan pelbagai kesalahan imigresen.

Pada tahun 2019, sebanyak 1,312 operasi telah dilaksanakan oleh JIM Negeri Sarawak melibatkan tangkapan seramai 2,976 orang PATI. Manakala, bermula pada 1 Januari hingga 30 Jun 2020, sebanyak 377 operasi telah dilaksanakan dan seramai 1,721 PATI telah ditangkap melalui operasi tersebut.

JIM Negeri Sarawak dengan kerjasama pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan telah berjaya mengesan sekurang-kurangnya 49 pintu masuk yang tidak diwartakan ataupun laluan tikus yang sering digunakan oleh PATI untuk kemasukan secara tidak sah ke Malaysia. Justeru, pelaksanaan Op Benteng di semua pintu masuk negeri Sarawak meliputi laluan yang tidak diwartakan dilihat dapat mengekang jumlah PATI di negeri ini khususnya kawasan Lubok Antu.